

TR: 14.8.1966

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI  
PERTANDINGAN BACAAN BERZANJI  
PERINGKAT KEBANGSAAN, 1966  
DI MASJID NEGARA, KUALA LUMPUR  
PADA 28HB OGOS, 1966.

Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, Y.B. Menteri-Menteri, Y.B. Menteri-Menteri Muda, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin dan para hadirin sekalian. Saya berasa sangat sukacita kerana kita dapat sekali lagi mengadakan Pertandingan Bacaan Berzanji Peringkat Kebangsaan. Pertandingan ini adalah pertandingan Yang Kedua yang diadakan di Peringkat Kebangsaan; Yang Pertamanya telah diadakan dalam bulan Ogos tahun lalu, iaitu bagi mengambil sempena pembukaan rasmi Majlis Negara ini. Pada kali ini, di samping menyambut hari ulang tahun pertama pembukaan rasmi Masjid Negara dan ulang tahun kesembilan Kemerdekaan negara kita, Pertandingan Bacaan Berzanji Peringkat Kebangsaan tahun ini juga diadakan dengan cara tidak sengaja dalam bulan yang sama dengan tercapainya perdamaian antara Malaysia dengan Indonesia yang telah berkonfrontasi selama lebih kurang tiga tahun. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Indonesia ialah negara tetangga kita di mana lebih 90% penduduknya ialah beragama Islam. Dengan itu pertandingan tahun ini adalah diadakan dalam suasana aman dan cerah daripada tahun dahulu.

Pertandingan Berzanji Peringkat Kebangsaan tahun ini diadakan dengan cara sederhana sahaja setelah menimbangkan keadaan kewangan negara yang telah merosot sedikit oleh kerana terlalu banyak wang telah dibelanjakan bagi mempertahankan negara dalam masa konfrontasi Indonesia dahulu. Walau bagaimanapun kita semua sedia maklum iaitu bacaan Berzanji tidaklah dapat disamakan dengan bacaan kitab suci Al-Quran oleh kerana kitab suci Al-Quran itu ialah Qalamullah pada hal kitab berzanji hanyalah susunan seorang ulamak kerana cintanya terhadap junjungan kita Nabi Muhammed s.a.w. Pertandingan Bacaan Berzanji seperti ini

diadakan hanya di negeri kita sahaja dan ini adalah membuktikan iaitu Kerajaan berazam hendak menegakkan Kebudayaan Islam, iaitu Kebudayaan rasmi negara kita. Adalah diharap pertandingan ini dapat memberi faedah dan menafaat khususnya kepada umat Islam dan amnya kepada seluruh rakyat negeri ini.

Negeri kita ialah sebuah negeri yang aman dan makmur, penuh dengan segala kemewahan, kebahagiaan dan kesukaan dan oleh kerana itu barangkali ada di antara umat Islam yang telah terbawa jauh daripada ajaran-ajaran dan suruhan-suruhan Tuhan. Oleh kerana itu adalah difikirkan iaitu dengan adanya Pertandingan Berzanji seperti ini dapatlah kita bersama-sama berhimpun di Masjid Negara ini untuk memperingati hari Keputeraan junjungan kita Nabi Mohammed s.a.w. di samping kita menjalankan kehendak-kehendak dan hukum-hukum Allah Subhanahuwataala.

Pertandingan Bacaan Berzanji adalah diminati oleh segenap lapisan rakyat yang beragama Islam di negeri ini kerana pertandingan-pertandingan telah dijalankan di peringkat-peringkat kampung, mukim, daerah dan seterusnya di peringkat negeri. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menganjurkan Pertandingan Bacaan Berzanji di peringkat-peringkat kampung, mukim, daerah dan negeri. Dengan pertolongan mereka dan juga dengan kerjasama mereka menghantar calon-calon daripada negeri-negeri mereka, kerja-kerja mengadakan Pertandingan Bacaan Berzanji Kebangsaan ini telah dapat dimudahkan. Adalah diharap pada tahun hadapan, kita akan dapat mengadakan pertandingan yang lebih besar lagi. Dengan ini saya rasmikan pembukaan Pertandingan Bacaan Berzanji Peringkat Kebangsaan, 1966.